

12 DEC 1997

OIC - rumusan

OIC RUMUS WAWASAN BAGI KEAMANAN DAN KEMAKMURAN DUNIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 12 Dis (Bernama) -- Para pemimpin 55 buah negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hari ini merumuskan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara Islam dan negara-negara lain dalam menghadapi cabaran dunia di abad akan datang.

Mereka juga berikrar untuk memberi sumbangan ke arah keamanan dan keselamatan dunia serta mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan.

Rumusan itu terkandung dalam "Kenyataan Wawasan Tehran" yang dikeluarkan di akhir sidang kemuncak tiga hari pemimpin-pemimpin negara-negara anggota OIC di sini. Sidang kemuncak itu merupakan yang terakhir diadakan dalam abad ini.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan antara 26 orang ketua kerajaan dan ketua negara serta wakil mereka yang menghadiri sidang kemuncak itu, pertama kali Iran menjadi tuan rumah dalam sejarah 28 tahun penubuhan OIC.

Para pemimpin itu juga mengeluarkan "Deklarasi Tehran" yang menyentuh pelbagai perkara daripada keselamatan dan perpaduan kepada pembangunan dan penyertaan antarabangsa.

Para pemimpin tersebut juga memandang berat kecenderungan Barat untuk menggambarkan Islam sebagai satu ancaman terhadap dunia dan menegaskan betapa perlunya dikembalikan kegemilangan tamadun Islam sebagai wadah untuk memperjuangkan keamanan dunia.

Sehubungan dengan itu, sebuah kumpulan dipertanggungjawabkan untuk merancang tindakan membina untuk melenyapkan propaganda negatif terhadap Islam.

Kumpulan bijak pandai Islam itu akan membuat perakuan untuk menghapus dan membetulkan salahfaham terutama oleh pihak Barat dengan mengetengahkan imej sebenar Islam.

Untuk itu, mereka memutuskan untuk menggunakan kelebihan teknologi maklumat dan komunikasi untuk mendedahkan nilai-nilai budaya dan murni yang kaya kepada masyarakat dunia.

Sambil mengecam segala bentuk keganasan, para pemimpin tersebut berkata pembunuhan orang yang tidak berdosa dilarang oleh Islam.

Mereka juga mengalu-alukan kehadiran Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan di sidang kemuncak itu yang menandakan wujudnya hubungan baik antara kedua-dua pertubuhan, PBB dan OIC.

Mereka menegaskan perlunya peranan yang lebih berkesan dan saksama dimainkan oleh OIC dalam agensi-agensi PBB terutama Majlis Keselamatan.

Para pemimpin tersebut juga menggariskan perlunya penyelarasan di kalangan negara-negara anggota untuk meningkatkan peranan mereka dalam sistem ekonomi dunia dan dalam proses membuat keputusan berhubung ekonomi dunia.

Sidang kemuncak OIC akan datang akan diadakan di Qatar, yang baru-baru ini menganjurkan satu persidangan serantau yang mencetuskan kontroversi.

Beberapa negara Arab telah memulaukan persidangan di Doha itu kerana membantah penyertaan Israel. -- BERNAMA

azz oba